



Program Amal Mahasiswa UniSZA Terengganu di Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia yang juga merupakan Pusat Jagaan Orang-Orang Tua di Kajang, Selangor.

Tabur bakti di Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia

Kajang: Persatuan Mahasiswa Usuludin (PMUS) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, menganjurkan lawatan ke Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia yang juga Pusat Penjagaan Orang Tua di sini, baru-baru ini.

Pengarah program, Mohammad Farid Abdul Talib, berkata lawatan itu juga sebahagian daripada program Kembara Ilmu Sambil Beramal yang berlangsung tiga hari bagi membantu golongan yang memerlukan termasuk penghuni pusat berkenaan.

Bersempena lawatan itu, katanya, PMUS menyempakan sumbangan berjumlah RM1,500 yang disampaikan dalam bentuk barang keperluan-harian, manakala RM400 lagi dalam bentuk wang tunai.

Peluang beramah mesra

Beliau berkata, program itu diharap dapat membuka mata masyarakat terutama pelajar UnisSZA sendiri berkaitan kehidupan penghuni pusat seumpamanya yang perlu dibantu dan diberi perhatian.

Yang turut hadir ialah

pegawai daripada Unit Aktiviti Persatuan dan Kelab Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA, Zaini Muda.

Sementara itu, seorang peserta program, Aliah Abdullah Sani, 23, berkata banyak perkara yang dipelajari dan menyentuh hatinya ketika melawat ke Pusat Jagaan Al-Fikrah.

“Saya dapat lihat keceriaan terpancar pada wajah penghuni ketika kami tiba dan mereka sangat memerlukan perhatian daripada orang awam untuk menceriaikan hari mereka,” katanya.



Kami hanya ingin singgah untuk memberi sumbangan tetapi kami diberi peluang beramah mesra dengan penghuni Pusat Jagaan Al-Fikrah”



Mahasiswa UniSZA menyuapkan makanan kepada salah seorang penghuni.

mesra dengan penghuni Pusat Jagaan Al-Fikrah”

Mohammad Farid Abdul Talib,
Pengarah program